



# Kedah mahu bekalkan tenaga elektrik

Projek solar jadi sandaran bantu Kerajaan Pusat menjelang 2025

Oleh Suzalina Halid  
 suzalina@nsp.com.my

Pendang

**K**edah komited menyumbang kepada 20 peratus pengeluaran elektrik negara yang dijana melalui tenaga boleh diperbaharui menjelang 2025.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata kerajaan negeri kini giat menilai kemasukan projek solar baru selepas mengambil kira kelebihan kepada Kedah yang memiliki sinaran cahaya matahari tertinggi di negara ini.

Katanya, penggunaan solar juga dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida seperti dipersetu-

ui Malaysia pada Perjanjian Iklim Paris yang ditandatangani pada 2015.

"Ia membuktikan Kedah memang serius dalam memainkan peranan lebih besar bagi membantu Kerajaan Persekutuan ke arah pembangunan yang lebih berlandaskan konsep hijau."

"Kita akan terus menyokong usaha Kerajaan Persekutuan menjadikan pertumbuhan hijau sebagai model pembangunan baharu dalam meningkatkan kemapanan dan daya tahan negara," katanya ketika merasmikan Stesen Jana kuasa Solar 50 megawatt (MW) Quantum Solar Park Malaysia, di sini, semalam.

**Tenaga elektrik bersih**  
 Stesen jana kuasa solar berkapasiti 50 MW itu mampu menjana tenaga elektrik bersih untuk dibekalkan kepada 30,000 isi rumah serta mengurangkan pelepasan karbon setiap tahun.

Mukhriz berkata, projek jana kuasa solar ini adalah yang terbesar di utara, sekali gus mele-



Mukhriz (tiga dari kiri) meninjau Stesen Jana kuasa solar selepas majlis perasmian Ladang Solar 50MW Quantum Solar Park, di Pendang, semalam.

takkan Kedah sebagai peneraju dalam Industri Tenaga Boleh Diperbaharui khususnya tenaga solar kepada negara.

Beliau berkata, pembinaan projek solar berskala besar ini ada-

lah seiring dengan hasrat kerajaan negeri menjadikan Kedah sebagai sebuah 'negeri hijau', sekali gus berupaya melahirkan lebih ramai bakat dalam kalangan penduduk tempatan yang mahir dalam in-

dustri tenaga boleh diperbaharui.

"Projek solar kini dilihat semakin popular sebagai pilihan utama kepada tenaga boleh diperbaharui bukan sahaja di dalam negara, malah juga di luar negara," katanya.



12 Feb 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: Suzalina Halid • Section: Nasional • Page: 19 • Printed size: 356.00cm<sup>2</sup>

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 12,225.00

Item ID: MY0035085948

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

Projek solar jadi sandaran bantu Kerajaan Pusat menjelang 2025

Kedah komited menyumbang kepada 20 peratus pengeluaran elektrik negara yang dijana melalui tenaga boleh diperbaharui menjelang 2025. Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata kerajaan negeri kini giat menilai kemasukan projek solar baharu selepas mengambil kira kelebihan kepada Kedah yang memiliki sinaran cahaya matahari tertinggi di negara ini.